

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN :	PERMOHONAN UNTUK PENGANJURAN PROGRAM & CADANGAN PEMBAYARAN UNTUK KOORDINATOR PROGRAM DAN PENCERAMAH MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SPPE 2021: 1. PROGRAM WEBINAR BERSIRI BAGI SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK MENERUSI APLIKASI DIGITAL (ATAS TALIAN). 2. BENGKEL CEO PEMACU PRESTASI ORGANISASI (SECARA FIZIKAL).
OBJEKTIF :	Tujuan dua (2) program ini diadakan adalah seperti di bawah : • Perkongsian dan pendedahan ilmu dan pengalaman syarikat yang terbaik dalam usaha membantu syarikat EKS untuk mencari ruang penambahbaikan berterusan bagi mencapai tahap daya saing yang baik terutama semasa dan pasca pandemik covid19. • Mempromosikan dan membiasakan peserta dengan kaedah alternatif pelaksanaan latihan/kursus kepada rakan industri menerusi aplikasi digital dan teknologi terkini. • Beberapa aktiviti perlu diberi perhatian supaya segala aktiviti intervensi sepertimana dijanjikan kepada EPU dapat dilaksanakan mengikut jadual. • Oleh itu, penganjuran program Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi dan Webinar Bersiri ini adalah satu aktiviti dalam intervensi yang perlu diadakan dengan kehadiran pihak pengurusan dari setiap syarikat PKS yang telah ditawarkan dalam program SPPE. • Mendapatkan komitmen dari pengurusan atasan syarikat PKS dalam meningkatkan pengetahuan produktiviti dan inovasi. • Meningkatkan pengetahuan melalui perkongsian amalan terbaik bagi syarikat yang telah melaksanakan SPPE sebagai platform untuk pembelajaran berterusan sepanjang hayat.
TARIKH DAN TEMPAT :	Tentatif tarikh dan tempat bagi penganjuran Program Bengkel Ceo Pemacu Prestasi Organisasi dan Program Webinar Bersiri adalah seperti pada <u>Perkara 4.0</u>.
PERUNTUKAN & KADAR BAYARAN :	Menggunakan Bajet Pembangunan RMK12: SPPE (RP1) 1. Program Webinar Bersiri – RM20,000 2. Bengkel Ceo Pemacu Prestasi Organisasi – RM10,000
JABATAN :	Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)
DiSOKONG OLEH :	TKP OED
ULASAN KETUA AKAUNTAN :	
KOMEN PENGURUS PCT :	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

TAJUK : PERMOHONAN UNTUK PENGANJURAN PROGRAM & CADANGAN PEMBAYARAN UNTUK KOORDINATOR PROGRAM DAN PENCERAMAH MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SPPE 2021.

- 1. PROGRAM WEBINAR BERSIRI BAGI SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK MENERUSI APLIKASI DIGITAL (ATAS TALIAN).**
- 2. BENGKEL CEO PEMACU PRESTASI ORGANISASI (SECARA FIZIKAL).**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan MPC terhadap cadangan dari Bahagian PACS bagi penganjuran dua (2) program di bawah dengan menggunakan peruntukan SPPE 2021, berdasarkan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Pekeliling WP 1.8/2015 (Penjawat Awam) dan Pekeliling WP 10.9 (Individu/ Swasta).
 - a) Menganjurkan Webinar Bersiri sesi perkongsian secara *online* oleh penceramah jemputan dan membuat pembayaran kepada penceramah
 - b) Menganjurkan program Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan saranan dan galakan oleh Kerajaan Malaysia terhadap digitalisasi dan IR4.0 telah merubah landskap dan cara kerja sesebuah organisasi, pelbagai pendekatan dan peluang penggunaan teknologi baharu telah dikenalpasti untuk memastikan tugas harian dapat diteruskan dalam norma baharu yang lebih cepat dan efektif.
- 2.2 Perkongsian Amalan Terbaik melalui aplikasi digital merupakan salah satu kaedah terbaik yang diguna pakai pada masa kini dan juga untuk masa hadapan bagi menyebarkan ilmu dan berkongsi maklumat bersama rakan industri MPC. Pendekatan ini dilihat dapat memberikan impak yang positif kepada rakan industri untuk mendapatkan ilmu dan maklumat terkini secara atas talian dan cepat.
- 2.3 Bagi memastikan amalan terbaik dan maklumat ini dapat disalurkan kepada rakan industri, Bahagian PACS merancang untuk menganjurkan beberapa sesi perkongsian bersama penceramah jemputan dengan tajuk-tajuk yang

bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa terhadap EKS khususnya dan organisasi lain secara amnya.

2.4 Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi dan perkongsian Amalan Terbaik adalah satu komponen aktiviti dalam program SPPE yang perlu diadakan dengan kehadiran pihak pengurusan dari setiap syarikat EKS yang terlibat dalam program SPPE bagi tujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan ketua-ketua organisasi.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Program Webinar Bersiri merupakan program sesi perkongsian dan latihan melalui aplikasi digital ini bagi tujuan berikut :

- Perkongsian dan pendedahan ilmu dan pengalaman pemain industri terbaik dalam usaha membantu syarikat EKS untuk mencari ruang penambahbaikan berterusan bagi mencapai tahap daya saing yang baik dalam tempoh penularan pandemik ke arah fasa pemulihan Covid-19.
- Mempromosikan dan membiasakan peserta dengan kaedah alternatif pelaksanaan latihan/kursus kepada rakan industri menerusi aplikasi digital dan teknologi terkini.

3.2 Program Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi mempunyai objektif seperti berikut:

- Membantu CEO syarikat PKS dalam meningkatkan pengetahuan produktiviti dan inovasi.
- Memberi pendedahan dan mendapatkan komitmen CEO bagi pelaksanaan kaedah penambahbaikan proses yang dijalankan di syarikat di bawah program SPPE.
- Berkongsi pengetahuan CEO syarikat melalui perkongsian amalan terbaik daripada syarikat PKS yang telah melaksanakan program SPPE pada tahun lepas.

4.0 PELAKSANAAN PROGRAM

4.1 Cadangan tarikh bagi **Program Webinar Bersiri** (10 sesi) adalah seperti berikut :

	Tarikh Cadangan	Platform	Jumlah Bayaran Untuk 1 koordinator Program dan 1 Penceramah
Siri 1	18 Mei 2021	Online	RM1,600.00
Siri 2	31 Mei 2021	Online	RM1,600.00
Siri 3	11 Jun 2021	Online	RM1,600.00
Siri 4	28 Jun 2021	Online	RM1,600.00
Siri 5	8 Julai 2021	Online	RM1,600.00
Siri 6	27 Julai 2021	Online	RM1,600.00
Siri 7	23 Ogos 2021	Online	RM1,600.00
Siri 8	30 Ogos 2021	Online	RM1,600.00
Siri 9	15 September 2021	Online	RM1,600.00
Siri 10	23 September 2021	Online	RM1,600.00
	Jumlah Keseluruhan		RM16,000.00

4.2 Aturcara Program bagi program **Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi** adalah seperti di Lampiran 2. Tarikh cadangan penganjuran program adalah seperti berikut:

	Tarikh Cadangan	Tempat	Jumlah Bayaran Untuk logistik dan penceramah jemputan
Siri 1	21 Jun 2021	Fizikal (hotel)	RM10,000.00
	Jumlah Keseluruhan		RM10,000.00

5.0 PERUNTUKAN DAN CADANGAN KADAR BAYARAN

5.1 Peruntukan yang dicadangkan untuk digunakan bagi tujuan pembayaran adalah daripada **Peruntukan SPPE 2021** seperti dalam jadual berikut :

	Bilangan Sesi	Kadar Bayaran (sejam)	Tempoh Masa	Jumlah
1. Program Webinar Bersiri				
Koordinator Program	10 kali	RM1,000.00 (online)	1 sesi	RM10,000.00
Penceramah Jemputan (Swasta)	10 kali	RM300.00 (online)	2 jam	RM6,000.00
2. Program Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi				
	Bilangan Peserta	Kadar (*pakej seminar + penginapan)	Tempoh Masa	Jumlah
Logistik penginapan				
• Bilangan Urusetia	4	RM330	1 malam	RM6,600.00
• Bilangan Pengarah	2			
• Bilangan Penceramah	4			
• Bilangan Peserta	10			
Bayaran Penceramah	4	RM350 (fizikal)	1 jam	RM1,400.00
Bahan/dokumen bengkel	20	RM100		RM2,000.00
		Jumlah Perbelanjaan		RM26,000.00

3. KAEDAH BAYARAN

Kaedah pembayaran kepada koordinator/ penceramah jemputan adalah berdasarkan kepada Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh Unit Perolehan MPC serta menggunakan kaedah Permohonan ISO Pembayaran. Jadual kadar bayaran dirujuk dalam Lampiran 1 di bawah.

4. SYOR

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk mempertimbangkan dan seterusnya meluluskan Kertas Cadangan bagi program Program Webinar Bersiri Bagi Sesi Perkongsian Amalan Terbaik dan program Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi bagi membolehkan Bahagian Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS) untuk membuat pembayaran kepada pembekal yang terlibat seperti pihak penginapan hotel/ koordinator/ penceramah jemputan melalui peruntukan SPPE 2021 sebagaimana ketetapan dalam garis panduan yang ditetapkan.

Disediakan oleh:



Kartir Haslinda Che Mat
Pengurus, PACS
Tarikh : 5 Mei 2021

Disemak oleh:



Haji Zaki Jaafar
Pengurus Kanan PACS
Tarikh : 5 Mei 2021

Disokong oleh:



Haji Rosmi Abdullah
Pengarah PACS
Tarikh: 5 Mei 2021

Lampiran 1

Jadual 1: Kadar Bayaran berdasarkan Pekeliling WP 10.9 (berkuatkuasa 15 Januari 2021) (untuk Individu/ Swasta)

Kadar Bayaran Penceramah Jemputan (Swasta)

JENIS PERKHIDMATAN	KAWASAN	*KADAR (SEJAM) (RM)	*KADAR (SEHARI) (RM)
		ONLINE	FIZIKAL
1. Tenaga Pengajar	Kadar jarak [<100 km]	300.00/jam	1800.00
	Kadar jarak [>100 km]		2000.00
	Kadar jarak ke Sabah/ Sarawak		2500.00
2. Fasilitator	Kadar jarak [<100 km]	250.00	1800.00
	Kadar jarak [>100 km]		2000.00
	Kadar jarak ke Sabah/ Sarawak		2500.00
3. Moderator		250.00/jam	250.00/jam
4. Penceramah		300.00/jam	350.00/jam
Pengalaman @ kepakaran khusus	Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian tertakluk pada polisi JPPK. Permohonan ex-gratia hendaklah dimaklumkan sebelum lantikan dibuat kepada PCT.		

Nota:

- a. Maksimum program virtual: Tidak lebih 4jam 1 hari / Tidak melebihi kadar fizikal, Fizikal: Program tersebut tidak kurang 6jam sehari.
- b. Kehadiran minimum peserta bagi setiap program: Online (tidak kurang 5 peserta), Fizikal (Tidak kurang 7 peserta).
- c. Kadar ini meliputi bayaran professional, kos perjalanan, kos pengangkutan, kos penginapan dan lain-lain kos berkaitan. Kos adalah tetap tanpa sebarang tambahan caj tambahan.

Kadar Bayaran Koordinator Program (Swasta)

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	*KADAR (HARI/ MESYUARAT/AKTIVITI) (RM)	*KADAR (HARI/ MESYUARAT/AKTIVITI) (RM)
		ONLINE	FIZIKAL
1.	Sekretariat/ Koordinator mesyuarat/**aktiviti	1000.00 / Mesyuarat/aktiviti	2000.00 / Mesyuarat/aktiviti
2.	Penyelaras coordinator kelulusan EPU kepada DMO	RM 200.00 sejam @ RM 7,000.00 sebulan (mana-mana nilai lebih rendah berdasarkan TOR)	

Lampiran 1

Jadual 2: Kadar Bayaran berdasarkan Pekeliling WP 1.8/2015 (Penjawat Awam)

Kumpulan Perkhidmatan	Pensyarah/ Penceramah Sambilan (RM Sejam)	Fasilitator Sambilan (RM/ Sejam)	Had Maksimum Sebulan
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	300.00	100.00	Tidak melebihi ½daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 53 & 54	200.00	100.00	
Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 45 – 52	150.00	90.00	
Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 – 44	120.00	80.00	
Kumpulan Sokongan	80.00	60.00	
Pengalaman @ Kepakaran Khusus	Elaun ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% daripada kadar di atas dengan persetujuan dan kelulusan Pengarah Bahagian		

**Bengkel CEO Pemacu Prestasi Organisasi
PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS
2021**

ATURCARA

Hari Pertama		
3.00 - 3.30 pm	:	Pendaftaran Peserta Bengkel & Urusan <i>Check-In</i>
3.30 - 4.00 pm	:	Majlis Perasmian & Welcoming Remarks
4.00 – 5.00pm	:	Taklimat Program SPPE 2021
9.00 - 10.00 pm	:	Kertas Kerja 1 : Perkongsian Amalan Terbaik Syarikat Contoh 1
Hari Kedua		
9.00 - 10.00 am	:	Kertas Kerja 2 : Perkongsian Amalan Terbaik Syarikat Contoh 2
10.00 - 11.00 pm	:	Kertas Kerja 3 : Kepentingan Digitalisasi dan Industri 4.0 kepada Syarikat bagi Peningkatan Produktiviti.
11.00 - 12.00 pm	:	Kertas Kerja 4 : Business Excellence Framework: Tujuh Fokus Utama Faktor Kejayaan Sesebuah Syarikat.
12.00 - 12.30 pm	:	Q & A dan Majlis Penutup
12.30 - 1.30 pm	:	Makan Tengah hari & Urusan <i>Check-Out</i>
2.00pm	:	Program Tamat